

**NO SOALAN :24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
(PENAMPANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.08.2017**

**Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah pembayaran RM26.7 juta setiap tahun sebagai (Pembayaran Khas kepada Sabah melalui Artikel 112C / Artikel 112D / Bahagian IV Kurungan (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia) telah dipersetujui (oleh Kerajaan Sabah) dan kenapakah jumlah RM26.7 juta ini tidak dinaikkan kepada jumlah yang sepatutnya (mengikut 2/5 daripada kutipan cukai yang datang dari Sabah).

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian khas kepada Sabah adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 112C dan disenaraikan dalam

Bahagian IV dan V, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Penetapan amaun pemberian khas adalah sebagaimana yang ditetapkan di bawah peruntukan-peruntukan berkenaan dan hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua Persekutuan dan negeri yang berkenaan. Setiap tahun, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan Pemberian Khas kepada Negeri Sabah dengan kadar berkuat kuasa sekarang iaitu sebanyak RM26.7 juta kepada Negeri Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pemberian di bawah Fasal (1) Perkara 112C adalah tertakluk kepada kajian semula seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 112D. Menurut Perkara 112D, kajian semula boleh diadakan pada bila-bila masa selepas tempoh pertama berakhir sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Kajian semula bagi pemberian khas Sabah telah dilakukan pada tahun 2014, walau bagaimanapun kajian semula itu telah ditangguhkan atas sebab kedudukan kewangan negara yang tidak kukuh pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi membuat kajian semula ke atas pemberian di bawah Perkara 112C tersebut sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.